

Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam: Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia

¹Makmur Harun, ²Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, ³Kastolani dan ⁴Sulaiman Dorloh

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA, makmur@fbk.upsi.edu.my

²University Malaysia Perlis, MALAYSIA, kasturi@unimap.edu.my

³Institut Agama Islam Negeri, INDONESIA, kastolani@gmail.com

⁴Universiti Islam Sultan Sharif Ali, BRUNEI DARUSSALAM, sulaiman@fsk.upsi.edu.my

Published: 28 June 2022

To cite this article (APA): Harun, M., Abd Aziz, M. K. N., Kastolani, & Dorloh, S. (2022). Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam: Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia. *Firdaus Journal*, 2(1), 85–100. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.8.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.1.8.2022>

ABSTRAK

Bentuk estetika tulisan mushaf Nusantara merupakan salah satu titik keindahan seni hiasan mushaf yang sering menjadi corak utama dalam al-Qur'an, implementasi tulisan dan corak semakin memperindah tulisan al-Qur'an sebagai pujangga tertinggi bagi ummat Islam terutama ketika menjadi hiasan dalam mushaf al-Qur'an di Indonesia dan juga di Malaysia. Kewujudan hiasan dan tulisan menjadi pelengkap yang terang, jelas, indah, unik dan memikat di kedua mushaf Nusantara tersebut. Pengungkapan keindahan penghasilan mushaf ini menjadi asas penting dalam al-Qur'an mushaf standar di Indonesia dan Malaysia untuk dibaca oleh umat Islam di Nusantara sebagai pujangga tertinggi mereka. Peranan tulisan dan hiasan mushaf di Indonesia dan Malaysia terus berkembang dan bahkan terus diperhalusi dengan menggunakan kaedah tertentu. Selain ianya juga menjadi isyarat keagungan pelbagai hasil karya seni lainnya. Sementara kedua mushaf tersebut telah menjadi kebanggaan tersendiri umat Islam di Nusantara sekaligus gambaran artistik dari tanda ketelitian hasil sentuhan tangan-tangan kaligrafinya melalui pelbagai bahan, medium dan coraknya. **Metodologi** kajian ini menggunakan kajian perbandingan melalui pendalaman estetika keindahan tulisan mushaf al-Qur'an yang berkembang di Indonesia dan Malaysia. **Objektif** kajian ini ingin mengangkat estetika keindahan penulisan mushaf Nusantara yang sering menjadi simbol asas estetik berwibawa dan berkualiti sebagai tanda ketinggian pujangga dalam kalangan ummat Islam. **Dapatan** kajian diharapkan berdampak

kepada wacana ilmu untuk mengungkap khazanah sejarah, estetika dan warisan seni budaya Islam di Asia Tenggara sebagai tempat kajian dijalankan.

Kata kunci: Estetika, keindahan, penulisan mushaf al-Qur'an, pujangga tertinggi, Indonesia dan Malaysia

PENDAHULUAN

Sejarah penulisan al-Qur'an memainkan peranan penting dalam menceritakan semula kisah-kisah lama perjalanan panjang proses penulisan kitab suci ini yang dimaksudkan agar memudahkan pembacanya dalam mentilawah ayat demi ayatnya. Termasuk bagaimana seorang khatat yang menulis mushaf al-Qur'an dalam memilih jenis khat yang akan digunakan agar jelas dan terang bacaannya. Selain itu, keperluan kaum muslim akan mushaf al-Qur'an sangat tinggi, sehingga penulisnya juga perlu cekap dan tepat ketika menentukan mushaf al-Qur'an tersebut.

Istilah "Mushaf"¹ merupakan perkataan bahasa Arab yang secara harfiah bermaksud "kulit", iaitu kulit buku, tetapi digunakan dalam konteks ini untuk merujuk kepada senaskah kitab al-Qur'an. Sejarah pengumpulan mushaf telah melalui perjalanan zaman yang sangat panjang. Bahkan keberadaan sesebuah mushaf al-Qur'an merupakan *suhuf kitab* yang mula diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ia ditulis di dalam bentuk suhuf dan lembaran serta diriwayatkan kepada umat Islam dengan tartil (Abd al-Karim Zaidan, 1996: 152). Al-Qur'an juga merupakan pedoman untuk manusia di muka bumi ini bagi membuktikan kewujudan pencipta dan kerasulan Nabi-Nya yang mana ia dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas dan bagi sesiapa membacanya merupakan ibadah.

Ayat-ayat yang diwahyukan Allah SWT mempunyai makna-makna tersendiri yang boleh difahami secara jelas, tanpa sebarang kesamaran atau difahami secara tersirat, yang memerlukan kepada penjelasan serta penerangan Nabi Muhammad SAW sendiri bagi menghuraikan ayat-ayat tersebut melalui hadis baginda SAW. Dan al-Qur'an merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW sekaligus pujangga tertinggi milik ummat Islam sepanjang zaman. Sesungguhnya kandungan di dalam ayat-ayatnya memberi sejuta makna kepada umat Islam terutamanya kepada mereka yang betul-betul serius memikirkan rahsia yang terkandung di dalamnya dari sisi bahasa dan sasteranya.

Sesebuah mushaf jika memiliki tulisan khat yang cantik dan menarik, memiliki hiasan corak dan hiasan motif serta iluminasi yang pelbagai dan beragam sangat membantu ketertarikan pembaca untuk lebih banyak membaca mushaf al-Qur'an tersebut. Malahan hal tersebut dapat menjadi satu estetika keindahan tersendiri yang menjadikan mushaf al-Qur'an ini semakin tinggi kedudukannya dibandingkan dengan kitab-kitab lainnya. Penggunaan seni dalam penulisan mushaf di Indonesia dan Malaysia bukan sahaja dijadikan hanya sebagai hiasan akan tetapi juga digunakan sebagai simpanan berupa aplikasi ke pelbagai manuskrip, logam, matawang, artifak dan benda-benda artifak lainnya di Nusantara khususnya dan Dunia Islam umumnya selain menjadi khazanah yang dimuliakan oleh umat Islam di dunia dan akhirat.

¹ Mushaf al-Qur'an menurut sebahagian sejarawan di antaranya Ibnu Kasir, tujuh salinan al-Qur'an di zaman Uthman bin Affan adalah satu disimpan di Madinah yang dikenal dengan *Mushaf al-Imām*, enam salinan lainnya disebar ke beberapa daerah wilayah Islam pada masa itu, iaitu Mekah, Kufah, Basrah, Syam, Yaman dan Bahraen.

Oleh sebab itu, melalui kajian estetika keindahan mushaf al-Qur'an ini, pengkaji ingin mengangkat beberapa bahagian untuk dibincangkan sebagai pangkal terpenting yang dapat melengkapkan keindahan pelbagai seni penulisan mushaf al-Qur'an umumnya dalam al-Qur'an mushaf Uthmani dan khususnya mushaf yang ditulis di Indonesia dan Malaysia. Kewujudan penulisan mushaf inilah yang dilihat dan dikaji agar dapat menempatkan perbincangan ini menjadikan semakin menarik dari penulis-penulis sebelumnya sehingga ke dapat dimanfaatkan sebagai panduan mencari keindahan sesuatu mushaf.

PERNYATAAN MASALAH

Indikator penentuan pemilihan estetika keindahan tulisan mushaf al-Qur'an dapat mempamerkan keindahan karya-karya seni tulisan yang dapat memberikan gambaran sejarah ringkas perkembangan proses penulisan dan percetakan mushaf al-Qur'an di Nusantara terutama di Indonesia dan Malaysia. Selama lebih dari 160 tahun perkembangannya sehingga kini, banyak hal-hal menarik untuk dibincangkan dan diperkatakan mengenai manuskrip dan mushaf Nusantara, sama ada aspek kesejarahan, estetika, teks, bahan, mahupun seni visualnya. Perbincangan mengenai perkembangan penulisan dan percetakan mushaf sejak masa awal akan memperjelas tentang keberadaan mushaf di Nusantara dewasa ini. Hal ini terjadi sebab sejak berabad lampau, ketika mushaf al-Qur'an masih disalin satu per satu secara manual, para penyalin mushaf di Nusantara telah menulis dengan cara mereka sendirisendiri. Sementara itu banyak mushaf telah ditemukan, tersebar merata dari Aceh sehingga Ternate, atau bahkan mungkin Raja Ampat di Papua sehingga ke Pattani.

Namun para penyalin mushaf tersebut kebanyakan tidak mencantumkan namanya di dalam mushaf hasil karya mereka. Ada kebarangkalian agar mereka tidak mengurangi rasa hormatnya kepada mushaf al-Qur'an, atau mungkin dengan alasan lainnya. Dari kolofon yang ada, tidak terlalu banyak nama penyalin yang dapat dicatatkan sehingga berakhirnya tradisi manuskrip pada akhir abad ke-19. Sejak pertengahan abad tersebut, mengawali teknologi cetak mushaf di Nusantara, pada 1848 di mana Muhammad Azhari telah menulis dan mencetak mushaf untuk pertama kalinya di kawasan ini. Berdasarkan bukti yang ada, beliau juga menyalin mushaf lainnya, dan selesai dicetak pada tahun 1854. Pada masa cetakan awal ini, ada beberapa penulis Nusantara juga berkarya di percetakan mushaf di Singapura. Di antara penulisnya ialah Muhammad Hanafi bin Sulaiman al-Sumbawi dan (mungkin orang sama atau bersaudara) Haji Muhammad bin al-Marhum Sulaiman Sumbawi.

Hal tersebut berbeza dengan masa sebelumnya, pada awal sehingga menjelang pertengahan abad ke-20, ketika teknologi cetak terus berkembang pesat untuk penulisan mushaf, nama penulis (atau penyalin) mushaf di Nusantara sepertinya justeru tidak muncul. Dilihat dari mushaf yang beredar pada periode ini, kebanyakan adalah mushaf reproduksi cetakan Bombay, India. Meskipun demikian, masih memerlukan penelitian lebih lanjut untuk memastikan hal ini. Barangkali sahaja ada beberapa individu yang menyalin mushaf sehingga tamat, namun kerana tidak sampai dicetak dan beredar luas, namun nama mereka terkadang hilang dari catatan sejarah.

Kemudian disusuli penulis-penulis mushaf Nusantara selanjutnya sehingga pengayaan gaya dan corak semakin dipelbagaikan. Munculnya para khatat seperti Didin Sirojudin AR, berasal dari Kuningan, Jawa Barat, seorang pensyarah Fakultas Adab dan Humaniora UIN Jakarta. Pengasuh pondok pesantren khusus kaligrafi di Sukabumi Jawa Barat yang telah tiga kali menulis mushaf al-Qur'an sehingga tamat 30 juz, iaitu sebuah mushaf atas pesanan peribadi H. Sawabi Ihsan MA; teks ayat terjemahan al-Qur'an "Bacaan

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*

Mulia" HB Jassin; dan al-Qur'an berwajah puisi HB Jassin yang diterbitkan oleh Intermedia, Jakarta. Selain itu, bersama seorang penulis dari Yogyakarta, ia juga pernah menulis mushaf atas pesanan Kementerian Agama Republik Indonesia. Sebelum ditulis oleh Didin Sirojudin AR, teks ayat terjemahan al-Qur'an "Bacaan Mulia" juga pernah ditulis oleh Haji R. Ganda Mangundihardja (Bacaan Mulia, 23 Januari 1942). Kesemua mushaf al-Qur'an ini sudah ditulis dengan pendekatan keindahan yang sudah menyesuaikan perkembangan zaman. Berikut contoh-contoh mushaf yang pelbagai di dunia Islam:



Ilustrasi 1. (Kiri) Mushaf cetakan Muhammad Azhari Palembang, Sumatera Selatan, pada tahun 1848 (Tengah) Mushaf al-Qur'an Standar Indonesia hasil karya Muhammad Syadzali Sa'ad tahun 1984. (Kanan) Cetakan al-Qur'an ukuran kecil dari cetakan Istanbul, Turki.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif dan tujuan dari kajian ini untuk mendapatkan maklumat bagaimana mengungkap estetika keindahan penulis dan perupa dalam menghasilkan mushaf al-Qur'an yang ditulis di Nusantara terutama yang ditulis di Indonesia dan Malaysia. Kajian penulisan dan pencarian estetika mushaf al-Qur'an ini bertujuan ingin mengangkat estetika keindahan penulisan mushaf Nusantara yang sering menjadi simbol asas estetik berwibawa dan berkualiti sebagai tanda ketinggian pujangga yang menyebar dan berkembang dalam kalangan ummat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan metode deskriptif kualitatif dan metode kajian perbandingan. Pengambilan data dengan menggunakan kajian literatur melalui tulisan mushaf al-Qur'an sebagai karya seni yang ditulis dalam masyarakat Nusantara. Indikator pemilihan sampel adalah karya-karya penulisan mushaf al-Qur'an yang representative dalam penyajian data seperti karya keindahan seni khat dalam mushaf al-Qur'an Indonesia dan Malaysia, sama ada ilustrasi mahupun seni rupa dan corak seni lainnya yang dilengkapi data seperti bentuk tulisan, corak tulisan, gaya hiasan, khatat, tajuk, tahun, ukuran, teknik dan media yang digunakan. Metode pengumpulan data primer melalui data dari media sosial dan media online lainnya, sedangkan data sekunder diperoleh dari kajian pustaka yang berasal dari pengkaji-pengkaji terdahulu. Dalam kajian kualitatif, teknik pengambilan sampel secara random adalah teknik pengambilan sampel di mana semua maushaf yang ditulis secara sendiri-sendiri atau bersama-sama diberi kesempatan yang sama untuk dipilih sebagai ahli sampel (Sugiyono, 2003). Tidak ada batasan jumlah sampel mushaf al-Qur'an yang diambil secara random, asalkan maklumat yang diinginkan dapat diperoleh dan

dihasilkan. Untuk melakukan kajian lapangan ini, maka Creswell (2013) menyampaikan bahawa kepentingan analisis dan interpretasi data adalah bahagian penting dari kajian kualitatif. Selain itu, kajian ini menggunakan metode perbandingan melalui pendalaman estetika keindahan tulisan mushaf al-Qur'an yang berkembang penulisan dan penggunaannya di Indonesia dan Malaysia.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Mushaf Standar Nusantara

Perkembangan penulisan mushaf Nusantara sebagai "Mushaf al-Qur'an Standar Nusantara" banyak diperkatakan dalam pelbagai sejarah sebagai latar belakang historis. Sebut sahaja mushaf seperti yang ditulis oleh Muhammad Syadzali Sa'ad pada tahun 1973-1975 (13941396 H). Mushaf ini menjadi satu mushaf al-Qur'an yang standar di Indonesia dengan menggunakan *rasm* Uthmani baharu dan diresmikan penggunaannya pada tahun 1984 sebagaimana tertuang dalam Keputusan Menteri Agama (KMA) nombor 25 tahun 1984 tentang penetapan mushaf standar. Karya khatatnya diterbitkan oleh Maktabah Sa'adiyah Putera, Jakarta, pada tahun 1985. Mushaf ini berhuruf nipis dan ditulis ulang (istilah yang sering digunakan) dengan huruf yang tebal oleh Ustaz Baiquni Yasin dan tiem pada tahun 1999-2001. Penulisan ulang mushaf standar ini menggunakan huruf yang tebal kerana permintaan masyarakat yang menyukai huruf tebal, seperti halnya huruf-huruf mushaf Bombay, India. Kaligrafer Muhammad Syadzali mempunyai paling kurang dua karya mushaf 30 juz, iaitu "Mushaf al-Qur'an standar Indonesia" edisi pertama dan "Mushaf Indonesia" atas permintaan Ibnu Sutowo selesai ditulis pada tahun 1979.

Sementara itu, berdasarkan bukti-bukti yang ada, pada akhir abad ke-19 mushaf yang beredar secara luas adalah cetakan Singapura dan Bombay (disebut juga Mumbai, India). Bukti luasnya peredaran penggunaan mushaf cetakan Singapura ditemukan di Palembang, Jakarta, Surakarta, Bali, Palu, Maluku dan Johor. Sedangkan luasnya peredaran penggunaan mushaf cetakan Bombay terdapat di Palembang, Demak, Madura, Lombok, Bima dan Filipina Selatan. Bombay, kota di pantai barat India, sejak akhir abad ke-19 memang merupakan pusat percetakan buku-buku keagamaan yang diedarkan secara meluas hampir ke seluruh wilayah Asia Tenggara.

Dengan demikian tidak menghairankan jika tradisi penulisan mushaf di kawasan ini, pada masa selanjutnya, dimulai dengan menghasilkan kembali mushaf cetakan India tersebut dengan standar yang diterima pakai oleh masyarakat Islam di Nusantara. Seperti penerbit Sulaiman Mar'i yang berpusat di Singapura dan Penang, selama bertahun-tahun sejak sekitar tahun 1930-an ketika memulai usahanya, hanya menghasilkan cetakan mushaf Bombay. Hal itu terlihat dari ciri huruf-hurufnya yang tebal. Sebenarnya ada beberapa gaya tulisan mushaf India yang digunakan untuk menulis al-Qur'an, meskipun kesemuanya ada kemiripan namun mushaf yang paling banyak dicetak adalah mushaf dengan gaya tulisan dan harakat tebal yang kemudian sering disebut sebagai "al-Qur'an Bombay".

Perkembangan ini terus bergulir sehingga ada beberapa jenis mushaf berhuruf tebal tersebut digunapakai selama puluhan tahun oleh masyarakat Nusantara, terutama sehingga tahun 1970-an. Sebahagian penerbit juga masih mencetak mushaf jenis ini sehingga sekarang di samping sudah mencetak mushaf dengan jenis huruf yang lainnya, kerana semakin banyaknya pilihan jenis huruf yang boleh digunakan para penerbit. Para penerbit biasanya menggunakan teks mushaf India itu sebagai teks yang utama, sementara untuk

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*

teks tambahan di bahagian depan dan belakang mushaf bervariasi, bergantung kepada pilihan penerbit. Teks tambahan menjadi keutamaan pembaca al-Qur'an, *makhārij al-Huruf*, tajwid, doa khataman al-Qur'an, daftar surah dan juz dan lain-lain, biasanya masih ditulis secara indah sesuai kaedah oleh para khatat dari Indonesia.

Jenis mushaf lain yang sebelumnya juga sempat beredar dan digunakan di kawasan Nusantara adalah cetakan Turki dan Mesir meski dalam jumlah yang lebih sedikit, kerana kebanyakan hanya dibawa oleh jamaah haji yang pulang dari tanah suci. Jenis mushaf ini pada masa selanjutnya juga dicetak di Nusantara selama puluhan tahun. Turki memiliki tradisi kaligrafi yang sangat indah, terkenal sejak awal abad ke-16. Tradisi kaligrafi itu tercermin nyata dalam mushaf yang ditulis oleh para kaligrafer Kesultanan Turki Uthmani. Berbeza dengan mushaf daripada India yang menggunakan *rasm Uthmani*, mushaf dari Turki selalu ditulis dengan *rasm Imla'i* dan menggunakan model 'ayat sudut' (setiap halaman selesai di akhir ayat). Mushaf jenis ini biasanya digunakan para hafiz untuk menghafal al-Qur'an, ini di keranakan lebih memudahkan mereka dalam membahagikan tahap-tahap hafalannya. Satu-satunya penerbit yang secara tekun mencetak mushaf ini adalah Penerbit Menara Kudus, Jawa Tengah Berikut contoh mushaf lain:



Ilustrasi2. (Kiri) Mushaf cetakan Singapura, beredar di Nusantara pada akhir abad ke -19. (Tengah) Mushaf cetakan Bombay berhuruf tebal, beredar di Nusantara sejak akhir abad ke-19. (Kanan) Mushaf cetakan Turki yang biasa digunakan oleh para hafiz untuk menghafal al-Qur'an.

Pentashihan dan Lahirnya Mushaf Standar Nusantara

Untuk usaha pemuliharaan kemurnian, kesucian dan kemuliaan al-Qur'an, lembaga yang secara resmi mempunyai tugas memeriksa kesahihan sesuatu mushaf, iaitu Lajnah Pentashih Mushaf Indonesia misalnya, sejak tahun 2007 bernama Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an di mana secara kelembagaan lajnah ini dibentuk pada tarikh 1 Oktober 1959 berdasarkan Peraturan Menteri Muda Agama No. 11 Tahun 1959. Keberadaan Lajnah ini adalah untuk melaksanakan tugas pentashihan mushaf yang diperkuat lagi dengan Keputusan Menteri Agama No. 1 Tahun 1982 yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lajnah, iaitu (1) meneliti dan menjaga kemurnian mushaf al-Qur'an, rekaman, bacaan, terjemahan dan tafsir secara preventif dan represif; (2) mempelajari dan meneliti kebenaran mushaf al-Qur'an bagi orang biasa (awam) dan bagi tunanetra (al-Qur'an Braille), rekaman bacaan al-Qur'an dalam kaset, piringan hitam dan penemuan elektronik lainnya yang beredar di Indonesia; dan (3) menyetop pengedaran mushaf yang belum ditashih oleh Lajnah.

Sementara bagi memperlancar tugas pentashihan yang dilakukan oleh Lajnah, terbit Surat Keputusan Menteri Agama Nomor 25 tahun 1984 tentang Penetapan Mushaf standar. Mushaf standar merupakan dasar bagi para ahli Lajnah untuk menjalankan tugasnya masing-masing. Ada tiga jenis Mushaf standar yang secara resmi menjadi panduan kerja bagi Lajnah yang dengan demikian secara resmi dapat diterbitkan dan diedarkan di keseluruhan kawasan Indonesia sehingga menyebar ke seluruh wilayah Nusantara.

Pertama, Mushaf al-Qur'an *Rasm Uthmani*. Penetapan mushaf ini berdasarkan mushaf cetakan Bombay, kerana model tanda baca dan hurufnya telah dikenal luas oleh umat Islam di Indonesia sejak puluhan tahun sebelumnya, bahkan jika dihitung sejak awal peredarannya di Nusantara telah mencapai satu abad lebih. *Kedua*, Mushaf al-Qur'an "Bahriyah" yang cenderung memiliki *rasm Ilma'i*. Mushaf ini modelnya diambil daripada mushaf cetakan Turki yang khatnya sangat indah dan menepati kaedah seni khat nashi yang standar. Jenis mushaf ini juga telah digunakan secara meluas oleh umat Islam di Nusantara umumnya dan di Indonesia dan Malaysia khususnya, terlebih-lebih di kalangan para penghafal al-Qur'an, dengan ciri setiap halamannya selalu diakhiri dengan akhir ayat. *Ketiga*, Mushaf al-Qur'an Braille, iaitu mushaf bagi para tunanetra. Mushaf ini menggunakan huruf Braille Arab sebagaimana diputuskan oleh Konferensi Internasional Unesco Tahun 1951, iaitu *al-Kitabah al-Arabiyyah an-Nafirah*. Dalam penulisannya, jenis mushaf ini menggunakan prinsip-prinsip dasar *rasm Uthmani* dalam batas-batas tertentu yang boleh dilakukan.

Untuk kepentingan umat Islam di Nusantara, Mushaf al-Qur'an *Rasm Uthmani* dan Mushaf "Bahriyah" kemudian ditulis oleh putera Indonesia. Mushaf dengan *Rasm Uthmani* ditulis oleh *khatat* Ustaz Muhammad Syadali Sa'ad pada tahun 1984, sedangkan mushaf "Bahriyah" ditulis oleh Ustaz Abdur-Razaq Muhili pada 1989. Mushaf dengan *Rasm Uthmani* telah mengalami penulisan ulang oleh Ustaz Baiquni Yasin dan kumpulannya pada tahun 1999-2001. Sementara mushaf Braille telah diterbitkan dan diproduksi di antaranya oleh Koperasi Karyawan Abiyoso, Bandung, Jawa Barat. Oleh kerana besarnya bangsa pasar mushaf di Nusantara terutama di Indonesia dan Malaysia, dengan 250-an juta lebih umat Islam di Asia Tenggara, tentu sangat menentukan bangsa pasar dan ini sangat menarik minat para penerbit untuk ikut merebut peluang pasar tersebut sekaligus meningkat kualiti tulisan dan keindahan penerbitannya. Bangsa pasar mushaf tidak terkecuali di masa hadapan yang akan berkembang terus menerus, sejalan semakin meningkatnya kesadaran keagamaan orang Melayu dan umat Islam seperti yang tercermin dengan semakin ramainya majelis-majelis taklim, pengajian dan zikir yang dihadiri pelbagai lapisan masyarakat di Nusantara. Berikut mushaf-mushaf yang ramai penggunaanya di kawasan Nusantara:



Ilustrasi 3. (Kiri) Mushaf hasil cetakan penerbit al-Islamiyah milik HMS Sulaiman, Bukittinggi, Sumatera Barat, tahun 1933. (Tengah) Mushaf cetakan Bombay yang menjadi standar pentashihan yang diiktiraf oleh pemerintah Indonesia sebagai hasil karya ditulis semula oleh Muhammad Syadzali Sa'ad tahun 1984. (Kanan) Mushaf cetakan penerbit al-Ma'arif, di Bandung, pada tahun 1950-an.

Mushaf al-Qur'an Generasi Baharu Indonesia dan Malaysia

Para penerbit mushaf masa tahun 1980-an, setelah menerbitkan mushaf standar sehingga awal tahun 2000-an, pada umumnya masih meneruskan tradisi lama dalam memproduksi mushaf al-Qur'an. Mereka kebanyakan hanya mencetak al-Qur'an Bombay (yang telah distandardkan penggunaannya), Mushaf Standar itu sendiri atau al-Qur'an "Bahriyah" model ayat bersudut. Sampai sejauh itu tidak ada inovasi yang bererti sama ada dalam tampilan mahupun komposisi isi mushafnya. Dalam hal desain kulit sampul yang pada umumnya hanya menampilkan pola simetris dalam bentuk dekorasi persegi yang berisi ragam hias

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*

floral dengan tulisan "Qur'an Majid", "Qur'an Karim" atau "al-Qur'an al-Karim" berbentuk bulat di dalam *medalion* yang terletak di posisi tengah. Warna yang digunakan pun berwarnawarni seperti merah, hijau, biru, coklat, kuning dan emas.

Sementara era baharu dalam percetakan mushaf muncul sejak awal tahun 2000-an, ketika teknologi komputer semakin maju dan dimanfaatkan dengan baik oleh para penerbit. Perubahan itu, pertama, sangat mencolok dalam hal seni khat teks mushafnya. Sejak awal masa tersebut sehingga sekarang, para penerbit pada umumnya memodifikasi khat Mushaf Madinah yang ditulis oleh *khattat* Uthman Taha. Mushaf Madinah dicetak oleh *Mujamma' al-Malik Fahd li-Tiba'at al-Mushaf asy-Syarif* yang bermarkas di Madinah. Tulisan karya seni khat berasal dari Syria itu memang terkenal cantik dengan keindahan anatomi huruf yang hampir tanpa cacat dan cela sedikitpun. Ejaan huruf Mushaf Madinah yang tidak sama dengan Mushaf Standar Indonesia disesuaikan oleh para penerbit dengan program komputer tertentu. Memang memerlukan masa yang lama dan perlu ketekunan yang sungguh-sungguh untuk menyesuaikan ejaan dan tanda bacanya satu persatu. Namun keindahan hurufnya sangat diminati oleh masyarakat Islam secara meluas, sehingga mushaf dengan huruf yang nipis tersebut sangat ditunggu-tunggu oleh umat Islam.

Penerbit mushaf pertama yang memodifikasi khatnya Uthman Taha adalah Penerbit Diponegoro, Bandung. Setelah itu, selama bertahun-tahun sehingga sekarang, banyak sekali penerbit yang memodifikasi khat tersebut. Bahkan, para penerbit pendatang baharu, hampir semuanya menggunakan seni khat model tersebut dalam penerbitan mushafnya. Hal ini akhirnya menimbulkan kesan monoton dalam huruf al-Qur'an di Nusantara pada masa belakangan ini, seakan-akan tidak ada kemajuan dalam hal tulisannya. Sebenarnya, jika para penerbit dapat mengembangkan tulisan khat al-Qur'an itu sendiri maka akan lebih baik, dan tentu sahaja lebih "terpuji" daripada sekadar memodifikasi tulisan orang lain. Apatah lagi di Nusantara sudah ramai kaligrafer muda berbakat yang siap bekerja sama dalam pelbagai penulisan. Namun, menulis satu buah mushaf yang lengkap memang memerlukan masa yang lama dan tentu sahaja kewangan yang tidak kecil. Barangkali pertimbangan kewangan inilah agaknya yang membuat para penerbit berfikir dua kali dalam mengambil jalan pintas ketika ingin menerbitkan mushaf tersebut.

Terkait dengan teks al-Qur'an di mana sebagian penerbit juga berkreasi dengan memberi warna khusus, tidak hanya perkataan "Allah" atau "*rabb*", tetapi penandaan terhadap ayat-ayat atau surah-surah tertentu. Misalnya, ayat-ayat yang berisi doa, ayat sajadah dan ayat-ayat tentang perempuan. Sebuah penerbit di Bandung ada yang menandakan ayat-ayat khusus tentang perempuan dengan warna pink, sementara penerbit lainnya pula berkreasi dengan memberi warna merah. Pewarnaan pada teks al-Qur'an juga dilakukan terkait dengan tajwid. Dengan maksud menuntun para pembaca al-Qur'an yang masih awam terhadap ilmu tajwid, sebagian penerbit lagi berinovasi dengan memberi warna tertentu terkait hukum bacaan dalam ilmu tajwid. Pewarnaan itu dimaksudkan sebagai kode atau tanda agar pembaca senantiasa ingat hukum bacaan tertentu dengan melihat kode warna tersebut. Teknik pewarnaannya ada yang menggunakan blok, arsir, atau warna hurufnya itu sendiri dan sebagainya.

Perubahan lainnya adalah dalam tampilan kulit (*cover*) mushaf. Para penerbit mushaf era sekarang tampaknya tidak mahu terikat dengan "konvensi" desain kulit mushaf yang selama ini seakan-akan hanya berbentuk persegi. Para penerbit mengeksplorasi bentukbentuk baharu, ragam hias dan komposisi baharu lainnya, sehingga kadang-kadang mengesankan suatu mushaf dengan desain yang asing. Warna yang digunakan pun tidak kaku lagi, dengan menggunakan warna-warni cerah yang disempurnakan dengan lapisan plastik dan vernis yang semakin menambah kemewahannya. Sebahagian mushaf juga menggunakan warna tertentu, disesuaikan dengan sasaran pasar yang dituju. Kulit sebuah

mushaf dan terjemahannya dengan sasaran pasar perempuan diberi warna pink dan ditulis “*alQur’anulkarim Special for Woman*” dengan hiasan corak tekat berwarna warni.

Bahan *cover* mushaf yang digunakan para penerbit juga sangat diperhitungkan dan pelbagai. Sebuah mushaf yang ditujukan untuk mahar pernikahan (maskawin) seperti sebuah penerbit mengiklankan mushafnya yang dibuat daripada kulit yang sangat mewah. Tema *back to nature* pun dimanfaatkan penerbit mushaf. Penerbit Diponegoro Bandung telah berkreasi cukup unik dengan melekatkan jenis daun dan biji-bijian tertentu di kulit mushaf cetaknya. Ragam hias yang digunakan pun beraneka macam, tidak lagi terpaku kepada ragam hias gaya Timur Tengah semata, namun juga sebahagian penerbit menggali ragam hias khas Nusantara. Penerbit Mizan Bandung misalnya secara konsisten telah menggali ragam hias Nusantara tersebut untuk beberapa siri produk penerbitannya.

Adanya perubahan pada tampilan mushaf al-Qur’an di Nusantara memang tampak lebih terlihat pada mushaf al-Qur’an yang disertai dengan terjemahan. Barangkali, dengan asumsi bahawa al-Qur’an dan terjemahannya itu adalah “setengah buku”, maka tampilan jenis al-Qur’an ini lebih banyak ragam dan coraknya, bahkan ia agak “bebas”. Para penerbit tampak tidak ragu-ragu untuk mewarnakan kelebihan-kelebihan produk terbitannya jika dibandingkan produk sejenis dari penerbit lainnya. Mereka berlomba-lomba berkeaktiviti dan berkreasi, sama ada dalam hal *cover*, isi, mahupun kelengkapan teks tambahannya. Para pembaca semakin dimanjakan dengan pelbagai kemudahan yang diajukan oleh para penerbit. Kelengkapan teks tambahan dalam al-Qur’an dan terjemahannya sangat bervariasi. Misalnya, daftar isi, indeks, pedoman transliterasi Arab-Latin, petunjuk penggunaan, huraian *makhraj* huruf, tajwid, waqaf, ayat-ayat sajdah, daftar surah dan juz, doa *ma’surat*, transliterasi latin, terjemahan perkata (*lafziyah*), dan lain-lain.

Sedemikian semarak macam dan ragamnya, sehingga ada penerbit yang merasa perlu mencantumkan Surat Pendaftaran Ciptaan dari pemerintah sebagai perlindungan hukum atas ciptaannya. Kelengkapan ‘asesoris’ lainnya adalah reben dan kard pembatas bacaan, kotak pelindung, serta butang atau zip agar mushaf lebih aman dan terlindungi. Bahkan ada beberapa penerbit membuat siri dalam terbitannya dengan ciri tertentu dan membezakannya dengan nama-nama Allah dalam Asma’ul Husna. Untuk membezakan pangsa pasar, ada pula penerbit yang membuat siri produk mushafnya dengan bahasa asing: *Masculine, feminine, teenage, classic, glamour*, dan *minimalist series*.

Untuk menarik minat kanak-kanak pula, ada beberapa penerbit juga membuat alQur’an dan terjemahannya dengan ilustrasi dan warna yang khas kanak-kanak, misalnya bentuk balon, bulan sabit, bintang, awan atau lengkungan-lengkungan semacam pelangi. Penerbit Mizan menerbitkan *I Love My Qur’an*, sebuah edisi al-Qur’an dan terjemahannya dalam satu set dengan ilustrasi yang unik dan lengkap untuk kanak-kanak. Ilustrasi tersebut dimuat dalam jilid terpisah daripada teks al-Qur’annya. Kemudian ada beberapa penerbit juga memberi ilustrasi khas kanak-kanak pada juz Amma (juz ke-30). Sebahagian penerbit pula melengkapi al-Qur’an dan terjemahannya dengan *asbabun nuzul*, tafsir ringkas, hadis keutamaan surah tertentu, dan lain-lain. Terjemahan dalam bahasa Inggris juga diperkenalkan oleh sebahagian penerbit.

Di samping itu, kegemaran pembaca menggunakan bahasa Inggeris separoh-separoh dalam dunia pemasaran dan media masa juga dimanfaatkan oleh penerbit mushaf dan terjemahannya, sama ada untuk nama siri, tajuk kecil, mahupun tajuk produk. Sebuah tajuk yang belum lama ini terbit, misalnya *Miracle: The Reference*, terbitan Syamil. Sementara, produk sejenis ini untuk kanak-kanak diberi tajuk *My First al-Qur’an (MyFA)*, dengan “12 keunggulan yang membuat *fun*”.

Beginilah para penerbit terus berkreasi dan berinovasi dalam ‘bersaing’ menawarkan keunggulan produk-produknya. Jika beberapa waktu sebelumnya ada produk mushaf dan terjemahannya dengan “7 in 1”, belakangan ini tidak tanggung-tanggung ada pula yang

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*

membuat satu produk dengan “22 in 1”. Keunggulan-keunggulan yang ditawarkan mencakup di antaranya, terjemahan tafsiriyah, kata kunci (*key word*), kosakata, tajwid, hadis sahih, tafsir Ibnu Kasir, tafsir at-Tabari, *asbabun nuzul*, khazanah pengetahuan, dan lain-lainnya sehingga mencapai 22 keunggulan yang tidak dimiliki oleh penerbit lainnya. Berikut contoh-contoh mushaf yang sempat meluas di Nusantara:



Ilustrasi 4. (Kiri) Mushaf standar Indonesia edisi pertama karya Muhammad Syadzali Sa'ad, tahun 1984. (Tengah) Lembaran salah satu mushaf karya M. Abdurrazaq Muhili, tahun 1988. (Kanan) Lembaran tulisan mushaf Haji Muhammad bin al-Marhum Sulaiman Sumbawi.

DAPATAN KAJIAN

Keunikan Estetika Mushaf al-Qur'an Istiqlal Jakarta, Indonesia

Dapatan kajian melalui estetika keindahan mushaf al-Qur'an semakin terbukti melalui penulisan mushaf al-Qur'an Istiqlal Jakarta di Indonesia yang ditulis sesuai dengan *Rasm Uthmani* menggunakan gaya tulisan khat Naskhi. Sedangkan tanda *waqafnya* mengacu kepada Mushaf Standar Indonesia yang telah disepakati oleh para ulama pentashih al-Qur'an di Indonesia. Teknik dan pola penulisan Mushaf Istiqlal dirancang oleh sebuah tiem yang terdiri atas para *khattat* (penulis kaligrafi) dan para pakar desain grafik dari Institut Teknologi Bandung (ITB) Bandung, Jawa Barat. Para penulis atau *khattat* Mushaf Istiqlal adalah KH Abdurrazaq Muhili (pereka corak), HM Fa'iz AR (ketua), M. Abdul Wasi AR, Hj Imron Ismail, Baiquni Yasin, Mahmud Arham, Islahuddin (ahli), serta HM Idris Pirus (penolong). Selain itu, dapat kajian ini berdampak kepada wacana ilmu untuk mengungkap khazanah sejarah, estetika dan warisan seni budaya Islam di Asia Tenggara sebagai tempat kajian dijalankan terutama di Indonesia dan Malaysia.

Penulisan mushaf Istiqlal yang dirasmikan dan diawali penulisannya oleh Presiden Soeharto pada Festival Istiqlal I pada tarikh 15 Oktober 1995 bersamaan dengan (7 Muharam 1412 H), dan dilancarkan oleh Presiden Soeharto pada Festival Istiqlal II, pada tarikh 23 September 1995 bersamaan dengan (27 Rabi'ul Akhir 1416 H). Sebelum dirasmikan, mushaf ini telah mengalami pentashihan oleh Lajnah Pentashih Mushaf al-Qur'an Departemen (sekrang Kementerian) Agama Republik Indonesia, dan selesai pada tarikh 6 Jun 1995 bersamaan dengan (7 Muharam 1416 H). Mushaf ini bertulisan tangan berukuran 85 sm x 123 sm, ditulis oleh tiem yang terdiri dari pereka bentuk, khattat, pereka corak iluminasi berasaskan surat keputusan Menteri Agama RI nombor 214 tahun 1993. Mushaf ini mula ditulis tahun 1991 sehingga 1995, dibuat di atas kertas jenis *Hammer Durex*, warna Chine white seberat 250 grm buatan Jerman. Menggunakan dawat Dr. Ph. Martin's Black Star dan pewarna Akrilik Winsor & Newton (Illuminasi). Pena khat pula menggunakan batang resam dan corak iluminasi menggunakan brus Winsor & Newton Gold Sphere. Warna pula mengandungi emas tulen 24 karat berupa serbuk dan lembaran nipis. Lebar khatnya


52 sm x 76 sm dan menjadi al-Qur'an standar Depag RI jenis *Rasm Uthmani*. Keunikan mushaf ini memiliki 45 corak dan motif menghiasi ayat-ayatnya setiap 22 muka suratnya. Ke-45 corak iluminasinya merupakan motif mewakili seni budaya tempatan sesuai jumlahnya 27 Provinsi (waktu itu) di Indonesia bermula daripada Aceh sehingga Irian Jaya.

Melalui corak iluminasi tersebut ada yang dijadikan sebagai motif *Umul Qur'an*, *Nisful Qur'an* dan *Khatmul Qur'an*, serta tiga motif yang berulang sehingga menjadikan jumlah keseluruhannya menjadi 45 corak seni budaya tempatan dengan menggambarkan kekayaan flora dan fauna Alam semula jadi Nusantara. Corak ornament Nusantara merupakan bentuk hiasan yang mempunyai nilai filosofis tinggi yang berhubung kait dengan budaya masyarakatnya. Selain itu, melalui usaha kelahiran mushaf ini ingin memunculkan pelbagai gambaran khazanah seni yang mengandungi seni bina rumah, adat, tradisi, sastera, tekstil, ukiran, batik, perabot rumah, perkakas, perhiasan, hasil bumi, tanaman, kraf dan sebagainya bermula daripada Provinsi Aceh sehingga ke Irian Jaya. Oleh sebab itu, melalui mushaf ini dapat menjadi ungkapan baru tradisi menggunakan seni budaya setempat sekali gus sebagai gambaran keagungan seni umat Islam di Indonesia yang menyatu dan sehati dengan kewujudan etnik suku bangsa tertentu bersama dengan kemajuan teknologi terkini.

Sementara sistem tulisan mushaf ini pula menggunakan kaedah *Rasm Uthmani* dengan menggunakan jenis khat Naskhi, kecuali untuk tajuk ditulis dengan khat Thulus, sedangkan tanda *sajadah* ditulis dengan khat Kufi Murabba' Indonesi. Teknik penulisan mushaf Istiqlal ini adalah rata tengah (*centered*), tidak seperti tulisan mushaf yang lainnya kitab suci al-Qur'an lainnya biasanya ditulis atau dicetak dengan teknik rata kiri-kanan (*justified*). Mushaf ini juga setiap muka suratnya berjumlah 13 baris, kecuali muka suratmuka surat tertentu yang apabila basmalahnya akan ditulis di bawah, maka akan dialihkan ke muka surat berikutnya dan perenggan-perenggan di bawahnya akan dibiarkan kosong lalu diisi dengan ragam corak iluminasi daerah yang mewakili muka surat tersebut. Demikianlah mushaf ini tercipta sehingga menjadi khazanah agung yang dimiliki oleh masyarakat Islam bukan sahaja milik bangsa Indonesia tetapi ia juga menjadi khazanah masyarakat Islam di Nusantara yang diharapkan dapat mengaplikasikan kondisi ritual masyarakatnya melalui seni budayanya masing-masing yang diterjemahkan melalui unsur-unsur estetik dan keindahan setempat agar dapat dipadukan dengan penghayatan ke-Islaman hakiki secara mendalam bernilai ubudiyah berunsurkan sufistik dalam jiwa dan sanubari penganutnya.

Sementara ciri lainnya ini tidak disebut di dalam *booklet* Mushaf Istiqlal (1995) adalah penulisan ayat yang menggunakan model teks tengah (*center text*). Model penulisan teks al-Qur'an seperti ini kenyataannya tidak lazim dalam tradisi penulisan di dunia Islam termasuk di Nusantara. Pemenggalan ayat pada *Mushaf Istiqlal* tampak tidak mempertimbangkan pengertian/makna ayat. *Mushaf Istiqlal* ini hanya dicetak satu kali sahaja iaitu pada tahun 1995. Oleh kerana corak iluminasinya mushaf ini yang demikian indah, seperti *Mushaf Istiqlal* ramai orang ingin memilikinya tetapi memang tidak mudah, sebab penerbitannya yang terhad dan memang mushaf ini tidak pernah dipasarkan dan diperjual belikan untuk masyarakat umum, melainkan hanya menjadi khazanah umat Islam yang disimpan sebagai karya terulung di Bayt al-Qur'an Taman Mini Indonesia Indah (TMII), Jakarta, Indonesia. Berikut contoh lembaran muka depan mushaf Istiqlal:

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*



Ilustrasi5. (Kiri) Halaman corak iluminasi *surah al-Falaq* mushaf Istiqlal. (Tengah) Muka hadapan kedua sisi mushaf Istiqlal *surah al-Baqarah* dan *al-Fatihah*. (Kanan) Lembaran tengah sisi hiasan berciri khas provinsi dalam mushaf Istiqlal.

Corak Keindahan Mushaf al-Qur'an Tab'an Ain al-Taqwa, Malaysia

Yayasan Restu yang terletak di Shah Alam Negeri Selangor merupakan sebuah yayasan yang berperanan penting mengusahakan kewujudan mushaf Malaysia ini. Yayasan ini telah berusaha menerapkan penggunaan seni khat dalam pelbagai mushaf terbitannya, terutama Mushaf al-Qur'an Tab'an Ain al-Taqwa. Hal ini adalah sebagai cara mewujudkan komited yayasan ini, sekaligus sebagai bentuk usaha merealisasikan penulisan seni khat dengan baik dan berkesan melalui mushaf. Penerapannya sama ada dalam bentuk anatomi huruf seimbang tersusun antara satu dengan lainnya melalui pelbagai medium seperti mushaf, manuskrip, kertas, kanvas dan sebagainya. Untuk mengenali lebih mendalam proses penulisan mushaf ini yang menggunakan seni khat nasakh beserta hiasan corak iluminasi yang direalisasikan melalui ilham alam beberapa Negeri dari seluruh Malaysia. Hiasan motif dan coraknya sangat cantik sebagai gambaran tersendiri akan kekayaan flora dan fauna di setiap Negeri. Ia dibuat dalam usaha membantu memperkaya khazanah Islam Nusantara. Usaha ini juga wujud dengan adanya kerjasama semua pihak termasuk melalui Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) di Kuala Lumpur, pihak kerajaan mahupun swasta dan beberapa pondok serta lembaga yang saling berganding bahu menghasilkan kerja sangat bermakna ini.

Mushaf ini juga menjadi karya mulia dalam melestarikan khazanah Islam di Alam Melayu, menerusi mushaf al-Qur'an yang tulisan tangan melalui orang-orang Melayu tempatan yang setiap muka suratnya diserikan dengan corak iluminasi serta motif sesuai dengan budaya masyarakat dan alam persekitarannya. Adapun kaedah tulisan yang digunakan adalah *Rasm Uthmani*, sedangkan tanda-tanda bacaan adalah berdasarkan mushaf al-Qur'an yang kebanyakannya telah digunakan oleh umat Islam sehingga ke hari ini. Kini mushaf Malaysia sudah berada dalam genggamannya kaum Muslimin di Malaysia khususnya dan di Nusantara serta dunia Islam umumnya. Bahkan mushaf Malaysia ini sepertimana mushaf-mushaf lainnya, ditulis menggunakan tulisan khat Naskhi dalam keseluruhan tulisan ayat-ayatnya bermula daripada surah al-Fatihah sehingga akhirnya surah al-Nas. Kemudian menggunakan juga tulisan khat Thuluth sebagai hiasan tambahan seperti nama surah dan hiasan sekelilingnya. Menggunakan tulisan tangan dari khidmat tangan-tangan mahir dari penulis-penulis khat tempatan. Hasil tulisan ini adalah karya menggunakan pena handam sekaligus dibantu penggunaan kemampuan corak dan iluminasinya.

Setelah meneliti dan melihat dengan jelas menunjukkan bahawa mushaf ini merupakan mushaf al-Qur'an yang ditulis dengan hiasan corak cantik lagi menarik. Mushaf

ini diusaha pertama rakyat untuk negara dalam membantu dunia menghidupkan kembali seni mushaf yang telah menghilang sejak 500 tahun lampau. Usaha ini wujud dengan ditandai melalui pelancaran secara rasmi penyalinan mushafnya, pada tarikh 17 Ramadhan 1417 H bersamaan dengan 26 Januari 1997 M di Balai Pameran Islam Pusat Islam Kuala Lumpur Malaysia. Mushaf ini adalah juga menjadi manuskrip al-Qur'an beriluminasi berwarna penuh. Ia mengandungi 30 Juz dengan mengaplikasikan rekabentuk seni tampak Melayu, bercirikan budaya seluruh negeri di Malaysia. Setiap muka suratnya mengandungi tulisan gabungan daripada pelbagai bidang kepakaran dan keilmuan. Mushaf ini, asalnya berukuran 123 sm x 88 sm dan setiap lembarannya mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dengan hiasan Islam bercirikan seni tampak Melayu, serta penggunaan tulisan daripada emas tulen 24 karat.

Sementara masa digunakan menulis keseluruhan lembaran mahupun tulisannya ialah 314,000 jam masa bekerja, dan memakan waktu selama lima tahun untuk disiapkan, termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama dua tahun dengan perbelanjaan sebanyak RM 6 juta. Mushaf ini selesai secara keseluruhan penulisan dan pentashihannya pada tarikh 17 Januari 2000 M, dan pada bulan Mac di tahun itu juga diterbitkan mushaf Malaysia *Taba'ah Ma'arij al-Jamal* (cetakan awam) yang berjaya diedar dan dipasarkan kepada masyarakat luas. Mushaf yang beriluminasi (berhias) berwarna penuh, dengan menggunakan warna asas dan perpaduan warna lainnya. Motif iluminasi berciri khas pelbagai corak negeri yang menghias indah pada muka surat tertentu. Sumber motif dan hiasan yang digunakan berdasarkan seni reka bunga, batik, flora dan fauna tempatan dari pelbagai negeri yang ada di Malaysia. Contoh mushaf ini adalah seperti berikut:

Kejayaan membina mushaf merupakan perkara besar yang harus dibanggakan. Bahkan perkara yang perlu menaikkan nama Islam di mata dunia sehingga mendapat pengiktirafan sebagai salah sebuah negara yang dianggap sebagai contoh. Kejayaan mencapai kualiti tinggi dalam penerbitan al-Qur'an termasuk dalam kejayaan menyumbang kepada wawasan negara. Sesungguhnya al-Qur'an adalah panduan terpenting untuk umat Islam. Mushaf ini mengalami proses semakan berulang kali, barulah pakar-pakar khat menulisnya dengan menggunakan batang resam. Hanya batang resam yang berkualiti sahaja yang digunakan. Proses pencarian batang resam ini juga diselia oleh mereka yang pakar dalam pembuatan alat penulisan tersebut. Penulisannya menggunakan alat penulisan yang lain untuk menulis titik atau baris-baris lebih halus. Sekiranya terdapat kesilapan besar, terpaksa ditulis semula keseluruhan halaman tersebut. Ia sememangnya proses yang rumit. Proses penulisan khat ini juga diselia oleh presiden seni khat kebangsaan untuk memastikan kualiti penulisan khat yang digunakan tepat dan baik. Sungguh proses penyalinan mushaf rumit bukanlah perkara mudah. Hal ini merupakan usaha keras dibuat oleh mereka-mereka yang menyingkinkan khazanah Islam tetap kekal dipersada Nusantara. Bahkan setiap bahan, corak, warna, penulisan dibuat dengan teliti oleh mereka-mereka yang pakar dalam bidang masing-masing sehingga mushaf Malaysia ini wujud sehingga ke hari ini. Gambaran mushaf Malaysia seperti berikut:

*Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam:
Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia*



Ilustrasi 6. (Kiri) Logo mushaf al-Qur'an Malaysia dari jenis khat Kufi sebagai hiasan utama di hadapan mushaf ini. (Tengah) Muka surat 312, surah *Maryam* ayat 1-11 bertulis khat Naskhi ditulis sejajar kanan dan kiri sebanyak 13 baris, ditambah kepala surah *Maryam* dengan khat Thuluth dan *al-Basmalah* dengan khat Naskhi. (Kanan) Muka surat hadapan mushaf tersebut yang terkandung surah *al-Fatihah* ayat 1-7 dengan tulisan khat Naskhi ditulis sejajar kanan dan kiri, hiasan motif budaya Melayu beriluminasi tumbuhan dan bunga-bunga.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatlah direnungi bahawa sejarah panjang kemunculan mushaf-mushaf al-Qur'an di dunia Islam umumnya dan di Nusantara khususnya menjadi satu laluan penting dalam mempertinggi nilai-nilai seni dan budaya Islam meneruskan aktiviti-aktiviti penulisan tersebut sehingga dapat menjadi wasilah untuk pengekalannya estetika keindahan bagi kitab suci al-Qur'an sehingga kini. Dalam perbincangan ini menjadi bukti gambaran keunikan mushaf di Nusantara iaitu Mushaf Istiqlal Jakarta Indonesia dan Mushaf Tab'an Ain at-Taqwa Malaysia yang dapat menjadi warisan lestari tidak ditelan zaman sehingga bila-bila masa, selain ianya boleh dijadikan sebagai lambang kesenian unggul dalam tamadun Islam di Nusantara yang dapat setanding dengan kesenian lainnya di dunia.

Demikian penulisan mushaf al-Qur'an ini yang sangat diharapkan untuk dapat memperkenalkan lebih luas lagi khazanah dan warisan Nusantara sebagai mushaf al-Qur'an yang cantik dan menarik sehingga terserlah keindahan bagi pembacanya sekaligus sebagai satu manifestasi seni dan budaya yang menjadi kekayaan tamadun Islam dunia. Mushaf-mushaf Nusantara tersebut boleh dan patut terus dipelihara dan perlu dikekalkan berlandaskan syariat Islam agar tetap terus diterapkan dalam kehidupan umat Islam di Indonesia dan Malaysia khususnya dan di Asia Tenggara umumnya. Selain itu, semoga tulisan ini diharap dapat menterjemahkan sebahagian intipati penulisan mushaf al-Qur'an berhubung manifestasi seni dan budaya yang di dalamnya dapat direalisasikan estetika penulisan mushaf melalui aktiviti percetakan untuk menyokong kehebatan tamadun Islam dari masa ke masa berdasarkan redha Allah SWT.

DAFTAR PUSTAKA

- Al-Qur'an dan Terjemahannya. 1986. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
Al-Qur'an Mushaf Malaysia Taba'ah Ma'arij al-Jamal. 1999. Shah Alam: Yayasan Restu.
Abdul Gani Samsudin, et al. 2001. *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
Abdul Karim Husein. 1971. *Khat seni kaligrafi: Tuntunan menulis halus huruf Arab*. Semarang: Menara Kudus.

- Ali Akbar. 1995. *Kaedah menulis kaligrafer dan karya-karya master*. Cet. III. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ali Akbar. 2005. *Kaligrafi dalam mushaf kuno Nusantara: Tela'ah naskah-naskah koleksi perpustakaan nasional RI*. Tesis sarjana di Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Annabel Teh Gallop. 2004. *Seni mushaf di Asia Tenggara*. (terj. Ali Akbar). *Lektur*. Vol. 2. No. 2, Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan.
- al-Azam. 2005. *Sejarah teks al-Qur'an dari wahyu sampai kompilasi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Badan Penelitian dan Pengembangan Agama. 1984-1985. *Mengenal mushaf al-Qur'an Standar Indonesia*. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Booklet mushaf Istiqlal*. 1995. Bayt Istiqlal: Jakarta.
- Bruinessen, Martin van. 1995. *Kitab kuning, pesantren dan tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- C. Israr. 1985. *Dari teks klasik sampai ke kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Didin Sirajuddin, A.R. 1985. *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Endang Sudrajat. *Perkembangan penerbitan dan problema pentashihan*. Kertas kerja pada Lokakarya Penerbit Mushaf al-Qur'an. Bekasi, 29-30 Mac 2011.
- Ghazali Darussalam. 2001. *Sumbangan sarjana dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kamil Baba. 1992. Terj. Didin Sirojuddin, AR. *Dinamika kaligrafi Islam*. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Kamus besar bahasa Indonesia*. 1988. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan (edisi baru)*. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Makmur. 2011. *Sejarah perkembangan seni khat di Nusantara: Kajian perbandingan di Muzium Kesenian Islam Malaysia dan Yayasan Restu (Malaysia) dengan Lembaga dan Pondok Kaligrafi al-Qur'an LEMKA (Indonesia)*. Tesis P.hD di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Manja Mohd. Ludin, A. Suhaimi Hj. Mohd. Nor. 1995. *Aspek-aspek kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Gazali. 1998. *Ornamen Nusantara: Studi tentang ornamen mushaf istiqlal*. Tesis P.hD di Universitas Islam Negeri Syahid Jakarta.
- M. Iban Syarif. 2003. *Ketika mushaf menjadi indah*. Bandung: Fakultas Seni Rupa dan Desain, Institut Teknologi Bandung (ITB).
- Mustafa Haji Daud. 1997. *Al-Qur'an sumber tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1977. Peranan Islam dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Nik Hassan Suhaimi. 2000. *Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan*. Mohd Taib Osman Etal (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*.
- Peeters, Jeroen. 1995. Palembang revisited: Further notes on the printing establishment of Kemas Haji Muhammad Azhari, 1848. *International institute for Asian studies (IIAS) yearbook*.
- Proudfoot, Ian. 1994. Malay books printed in Bombay: A report on sources for historical bibliography. *Kekal abadi*.
- Salim, Erwin Y. *Gairah penerbitan al-Qur'an Indah*. Gatra, 7 September 2011.

Estetika Keindahan Tulisan Mushaf Al-Qur'an Pujangga Tertinggi Ummat Islam: Satu Kajian Perbandingan antara Mushaf Indonesia dengan Mushaf Malaysia

- Sayyed Hussein Nasr. 1987. *Spiritualitas dan seni Islam*. Bandung: Mizan.
- Seni rupa Islam Malaysia tradisional dan sezaman*. 1991. Kuala Lumpur: Departemen Kesehatan.
- Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam tentang kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sugiyono. 2003. *Metode penelitian kuantitatif, Kualitatif dan R & D*, Bandung: Alfabeta
- Yasin Hamid Safadi. 1978. *Islamic calligraphy*. London: Thames.
- Yunardi, E Badri. 2005. *Sejarah lahirnya mushaf standar Indonesia*". *Lektur*. 3 (2): 279-300.

Rujukan Tambahan

- Ahmad Sarwat. irfanirsyad.wordpress.com. Shared+Mencari Sinar KasihMu+Malaysian +Bloggers 2all Bloggers.
- Gallop, Annabel Teh, *Islamic manuscripts from the Philippines in U.S. collections: A preliminary listing, including two printed qur'ans*, <http://www.oovrag.com/bibliography/bibliography13.shtml>
- Muzium Kesenian Islam Malaysia. Jalan Lembah Perdana. Kuala Lumpur. www.google.com. *Kesenian Islam dalam Negara*. Tarikh, 9 Januari 2013. Mushaf al-qur'an Standar Indonesia (Uthmani). 2004. <http://qur'annusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-standar-indonesia-usmani-2004.html>. Mushaf al-qur'an Standar Indonesia (Uthmani). 2008. <http://qur'annusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-standar-indonesia-usmani-2008.html>. Mushaf al-qur'an Standar Indonesia (Uthmani). 2011. <http://qur'annusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-standar-indonesia-usmani-2011.html>. Mushaf al-qur'an Standar Indonesia (Bahriyah). 1991. <http://qur'annusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-standar-indonesia-bahriyah-1991.html>.
- http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/08/normal-0-false-false-false-in-x-nonear_26.html. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/04/mushaf-cetakan-palembang-1848mushaf.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/04/qur'an-cetakan-palembang-1854kolofon.html>.
- <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/04/bali-koleksi-masjid-agung-jami.html>, <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/09/mushaf-cetakan-singapura.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/10/mushaf-al-qur'an-standar-indonesia.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2013/02/mushaf-indonesia.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-karya-rahmatullah.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-karya-safaruddin.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2013/04/bibliografi-mushaf-standar-indonesia.html>.
- <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2012/11/mushaf-standar-indonesia-usmani2004.html>. <http://qur'an-nusantara.blogspot.com/2013/02/mushaf-indonesia.html>. http://academia.edu/2637901/percetakan_mushaf_al-qur'an_di_indonesia. Yayasan Retu. 2007. <http://www.mushaf.com.my> dan e-Mail: info@mushaf.com.my.